# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## KENYATAAN MEDIA (27 DISEMBER 2020)

### 1. LAPORAN HARIAN

Hari ini terdapat **tiga (3) kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Asajaya (2) dan Kuching (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,108 kes.**

#### A. Kes Baharu COVID-19

**i. Daerah Kuching: Saringan Memulakan Kerja Baharu (1 Kes dari Luar Negara Import-A)**

**Kes 1,106** merupakan seorang lelaki warganegara Indonesia yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana ingin memulakan kerja di tempat baru di Kuching. Kes telah menjalani saringan di fasiliti kesihatan swasta pada 26 Disember 2020 dan keputusan pada hari yang sama mendapati kes adalah positif.

Siasatan awal mendapati kes mempunyai sejarah bekerja secara sah di Sarawak sejak Disember 2019 di sebuah premis makanan di Kuching dan kembali secara sah ke negara asal pada Julai 2020. Kes telah masuk semula ke Sarawak menggunakan jalan tikus pada 25 Disember 2020.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala dan telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan di luar negara (Import-A).

**ii. Daerah Asajaya: Saringan Memulakan Kerja Baharu (2 Kes Jangkitan dari Luar Negara Import-A)**

**Kes 1,107 dan 1,108** merupakan lelaki warganegara Indonesia yang menjalani saringan COVID-19 untuk memulakan kerja di tempat baru. Kedua-dua kes telah ditawarkan pekerjaan di daerah Asajaya oleh majikan baharu yang ditemui di Kuching dan kemudiannya dibawa ke kuarters pekerja di Asajaya pada 20 Disember 2020.

Kedua-dua kes dibawa oleh majikan untuk menjalani saringan COVID-19 di fasiliti kesihatan swasta di Serian pada 21 Disember 2020 dan keputusan ujian pada 23 Disember 2020 mendapati kes-kes ini adalah postitif. Kedua-dua kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala.

Sehingga laporan ini dibuat, kedua-dua kes ini masih belum ditemui kerana telah menghilangkan diri selepas membuat saringan. Kes ini sedang dalam siasatan oleh Jabatan Kesihatan dan Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Negeri Sarawak. Siasatan lanjut serta pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan di luar negara (Import-A).

## B. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital

**Tiada kes** baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj kekal **1,062** orang atau **95.85%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **25** orang iaitu:

- Sebelas (11) kes di Hospital Umum Sarawak;
- Enam (6) kes di Hospital Miri;
- Lima (5) kes di Hospital Bintulu; dan
- Tiga (3) kes di Hospital Sibu.

Hari ini, **empat (4) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang menunggu keputusan ujian makmal.

## C. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak

Hari ini, **Daerah Kuching, Sibu, Bintulu dan Lawas kekal berstatus Kuning** dengan jumlah keseluruhan lima (5) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Sibu (2), Kuching (1), Bintulu (1) dan Lawas (1). Manakala 36 daerah lain kekal berstatus hijau.

## 2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan **empat (4) kompaun** di Daerah Kuching (2) dan Miri (2) kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **69 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (30), MPP (21), MBKS (7), MD Serian (5), DBKU (4) dan MPKS (2).

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**
**27 DISEMBER 2020**
**5.00 PETANG**

# MAKLUMAT TAMBAHAN

## 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Cumm. Positve Cases | | 1105 | Total Cases still in ward | 25 | 2.26% |
| New Cases | | 3 | Cases in *Intensive Care Unit (ICU)* | 0 | 0.00% |
| Total Samples by Individu | | 208,872 | Intubated Cases | 0 | 0.00% |
| Cumm. Positve Cases | | 1108 | Total Death Cases | 19 | 1.71% |
| IR per 100,000 population | | 35.92 | Recovered and discharged cases | 1,062 | 95.85% |
| Lab. Results (PUI) | New | Cummulative | *Patient Under Investigation* (PUI) | New | Cummulative |
| Negative | 1 | 9,992 | | 4 | 11,100 |
| Pending Result | 0 | 0 | | | |

| Current Status | | SGH Kuching | Hospital Sibu | Hospital Bintulu | Hospital Miri | Hospital Sungai Buloh | TOTAL |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Patients still in ward | | 11 | 3 | 5 | 6 | 0 | 25 |
| Kes di *Intensive Care Unit (ICU)* | | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Intubated cases | | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Total Death Cases | | 17 | 0 | 0 | 2 | 0 | 19 |
| Recovered and discharged cases | New | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | Cummulatiive | 884 | 43 | 50 | 79 | 2 | 1058 |
| Total re-admmission cases (*Re-tested Positive*) | | 9 | 9 | 3 | 1 | 0 | 22 |

| DAERAH KUNING (4) | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Lawas | 0 | 30 | 0 | 12 | 0 | 11 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 |
| 2 | Bintulu | 0 | 334 | 0 | 55 | 0 | 50 | 0 | 0 | 5 | 5 | 1 |
| 3 | Sibu | 0 | 132 | 0 | 26 | 0 | 23 | 0 | 0 | 3 | 7 | 2 |
| 4 | Kuching | 2 | 7,518 | 1 | 727 | 0 | 708 | 0 | 12 | 7 | 9 | 1 |
| Jumlah | | 2 | 8014 | 1 | 820 | 0 | 792 | 0 | 12 | 16 | 22 | 5 |

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

| DAERAH HIJAU (36) | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Serian | 0 | 336 | 0 | 27 | 0 | 27 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | Miri | 0 | 917 | 0 | 63 | 0 | 57 | 0 | 1 | 5 | 5 | 0 |
| 3 | Lundu | 0 | 262 | 0 | 8 | 0 | 7 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 4 | Limbang | 0 | 35 | 0 | 13 | 0 | 12 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Samarahan | 0 | 609 | 0 | 116 | 0 | 112 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Lubok Antu | 0 | 29 | 0 | 4 | 0 | 3 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 7 | Bau | 0 | 188 | 0 | 7 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Simunjan | 0 | 67 | 0 | 8 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Tanjung Manis | 0 | 23 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10 | Tebedu | 0 | 9 | 0 | 4 | 0 | 3 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 11 | Asajaya | 2 | 46 | 2 | 7 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 |
| 12 | Sri Aman | 0 | 57 | 0 | 5 | 0 | 3 | 0 | 1 | 1 | 1 | 0 |
| 13 | Betong | 0 | 190 | 0 | 16 | 0 | 16 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 14 | Mukah | 0 | 48 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | Matu | 0 | 6 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 16 | Sarikei | 0 | 93 | 0 | 6 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 17 | Saratok | 0 | 28 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 18 | Pusa | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 19 | Kabong | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 20 | Meradong | 0 | 35 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 21 | Julau | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 22 | Pakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 23 | Kanowit | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 24 | Selangau | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 25 | Tatau | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 26 | Sebauh | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 27 | Dalat | 0 | 14 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 28 | Daro | 0 | 7 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 29 | Kapit | 0 | 37 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 30 | Belaga | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 31 | Song | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 32 | Bukit Mabong | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 33 | Marudi | 0 | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 34 | Subis | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 35 | Beluru | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 36 | Telang Usan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 2 | 3,086 | 2 | 288 | 0 | 272 | 0 | 7 | 9 | 11 | 0 |
| Jumlah Besar | | 4 | 11,100 | 3 | 1,108 | 0 | 1,064 | 0 | 19 | 25 | 33 | 5 |

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

# 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **303** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **42 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,848 orang.** Manakala seramai **44,766 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 27.12.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|---|---|---|---|
| 1 | **Kuching (2,239)** | Hock Lee | 124 |
| 2 | | Grand Dormani | 32 |
| 3 | | Kuching Park | 135 |
| 4 | | Pullman | 439 |
| 5 | | Hilton | 186 |
| 6 | | Harbour View | 251 |
| 7 | | Riverside (Astana Wing) | 200 |
| 8 | | Grand Margherita | 218 |
| 9 | | Imperial Boulevard | 147 |
| 10 | | Tune Hotel | 84 |
| 11 | | Dormani Hotel | 39 |
| 12 | | Grand Continental | 159 |
| 13 | | Meritin | 21 |
| 14 | | Longhouse | 55 |
| 15 | | Abell | 60 |
| 16 | | Lot 10 | 31 |
| 17 | | Telang Usan | 16 |
| 18 | | Imperial Riverbank | 42 |
| 19 | **Miri (938)** | Mega Hotel | 107 |
| 20 | | Somerset | 35 |
| 21 | | Imperial Palace | 238 |
| 22 | | Eastwood Valley | 79 |
| 23 | | Imperial New Wing | 84 |
| 24 | | Paragon | 57 |
| 25 | | Meritz | 112 |
| 26 | | Miri | 18 |
| 27 | | Dynasty | 129 |
| 28 | | Kenyalang Suite | 15 |
| 29 | | Citi Hotel | 29 |
| 30 | | Nova | 35 |
| 31 | **Bintulu (314)** | Wasan Inn | 16 |
| 32 | | Fairfield by Marriot | 145 |
| 33 | | Kidurong Inn | 51 |
| 34 | | Motel Kapok | 57 |
| 35 | | Faber Inn | 29 |
| 36 | | AA Inn | 16 |
| 37 | **Limbang (112)** | Purnama | 13 |
| 38 | | Seri Malaysia (Lawas) | 75 |
| 39 | | Mandarin (Lawas) | 24 |
| 40 | **Sibu (99)** | Premier | 99 |
| 41 | **Samarahan (146)** | INFRA | 69 |
| 42 | | Kolej Rafflesia, UNIMAS | 77 |
| | | **Jumlah PUS** | **3,848** |

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **dua (2) lokasi di Sibu (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,111 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 27.12.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | OPERASI SEMASA | OPERASI TERKUMPUL |
|---|---|---|---|
| 1 | Kuching | TIADA | 708 |
| **2** | **Miri** | **1** | **434** |
| **3** | **Sibu** | **1** | **200** |
| 4 | Samarahan | TIADA | 139 |
| 5 | Bintulu | TIADA | 121 |
| 6 | Sarikei | TIADA | 120 |
| 7 | Limbang | TIADA | 98 |
| 8 | Serian | TIADA | 71 |
| 9 | Betong | TIADA | 60 |
| 10 | Sri Aman | TIADA | 54 |
| 11 | Kapit | TIADA | 54 |
| 12 | Mukah | TIADA | 52 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **2,111** |

**4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **34 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 27.12.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | LOKASI |
|---|---|---|
| 1 | DBKU | 4 |
| 2 | MPP | 2 |
| 3 | MD Serian | 3 |
| 4 | SMC | 9 |
| 5 | MCC | 13 |
| 6 | MD Marudi | 3 |
| | **Jumlah** | **34** |